

CNS5683

R GB 11-06 00170 BC421

BAH

JANGAN KENAKAN CUKAI TIANG TELEFON DAN LKTRIK.

MELAKA. 11 Jun (Bernama)-- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menaarahkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya tidak menaenakan cukai taksiran tiang telcfon dan elektrik serta peti surat dalam kawasan mailis kerajaan tempatan masing-masing. kata scoranp menteri Dersekutuan hari ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Menteri Besar dan Ketua Menteri yang bermesyuarat di Kuala Lumpur semalam bersetuju mematuhi arahan Perdana Menteri itu.

Beliau berkata demikinn ketika mengulas laboran bahawa terdapat pihak berkuasa tempatan mahu menaenakan cukai berkeajaan di kawasan mereka mulai 1 Julai.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen majlis belia Hindu Malaysia cawangan Melaka di sini, beliau berkata. Menteri-menteri Besar dan Kctua Menteri diianaka menaeluarkan arahan kepada mailis kerajaan tempatan di negeri masing-masing supaya jangan melaksanakan sistem cukai itu.

Jika cukai berkeajaan dikenakan, mungkin ada rakyat yang tidak dapat menikmati kemudahan perkhidmatan telefon dan elektrik. -- Bernama

ARA ZU.